

MENINJAU PERKEMBANGAN IDEOLOGI ISLAM DI TANAH AIR

“Bagi Islam bangsa dan negara, tanah air dan pertiwi adalah “alat” semata-mata menuju kepada maksud yang lebih tinggi, lebih luhur iaitu terlaksana hukum Allah di dalam hidup baik bagi perseorangan, baik pula bagi masyarakat itu sendiri.....” Demikian kata penulis yang berjiwa Islam ini-P

(Oleh: Muslim Progressif, Alor Setar)

Saya rasa barangkali ada di antara kita yang nanti mencemuh saya dengan tajuk di atas. Ah, apalah guna ditulis soal-soal Islam sedangkal begini ketengah ramai, di waktu kita menghadapi kemerdekaan sekarang, kerana ada lebih baik soal kebangsaan sahaja yang harus menjadi percakapan, perdebatan dan fikiran. Cemuhan ini bagi saya patut dan tak patutnya untuk diterima. Patut diterima kalau difikir dari segi kebangsaan yang semata-mata perjuangannya “neutral agama”-yang memandang Islam bukan ideologi yang harus dan mesti diperjuangkan. Dan tak patut diterima mengikut segi agama yang memandang Islam itu ialah ideologi perjuangan.

Sebagai umat Islam, kita diminta oleh Islam itu sendiri bahawa di samping memikir hak-hak kebangsaan, wajib pula memikir hak-hak dan perjuangan agama itu sendiri. Islam tidak menegah seseorang untuk mencintai bangsa dan tanah airnya, tetapi Islam mewajib pula seseorang itu lebih mencintai agamanya sendiri.

Bagi Islam bangsa dan negara, tanah air dan pertiwi adala “alat” semata-mata, menuju kepada maksud yang lebih tinggi, lebih luhur iaitu terlaksana hukum Allah iaitu di dalam hidup, baik bagi perseorangan, baik pula bagi

masyarakat itu sendiri, dan saya sebagai Muslim yang mencintai ideologi Islam di samping cinta saya kepada nusa dan bangsa tidaklah pula salah kiranya saya tumpang-tumpang berfikir (walaupun saya sedar tenaga fikiran saya masih amat dangkal-oleh kedangkalan faham dan ilmu pula) soal-soal Islam itu di samping mublighīn mublighāt dan ulama, zu‘ama’, pemimpin dan penganjur. Jadi berfikir dan menulis untuk Islam, bekerja dan bergerak untuk perkembangan Islam adalah lebih tinggi kewajibannya bagi seorang Muslim daripada lain-lain kerja, kita berfikir: “Menyelamatkan agama bererti menyelamatkan bangsa dan negara-tetapi menyelamatkan bangsa dan negara semata-mata belum tentu akan menyelamatkan agama...!”

Untuk meninjau perkembangan Islam di tanah air kita sekarang, saya haruslah mengaku kepada kepada saudara pembaca bahawa saya bukanlah seorang ahli penyelidikan yang besar, luas dan mendalam, bukan pula seorang hartawan yang berit dari segala sesuatu ada setiap hari di tanggannya. Dan bukan pula seorang ahli siyasa pergerakan Islam itu sendiri yang turut bergelimang di dalam arus dan lembah politik sekarang, sebagai “tunas muda”-itulah keinsafan yang mendorongkan jiwa saya untuk menulis baik sahaja kali ini, mahupun di dalam karangan-karangan lalu. Tunas muda-yang



Pemandangan di Majlis Persidangan Muktamar Pemuda-pemuda Islam Sedunia

memerhati segala sesuatu di tanah air ini dengan penuh minat-
sekali-sekali bergembira. Sekali pula bermenung duka.

Sesungguhnya bila kita perhati arus perkembangan faham
di Malaya ini, baik sahaja yang dialirkan oleh badan
persuratan, dan badan-badan politik, nyata sekali faham
Islamlah yang agak terkebelakang.

Di Malaya, tanah air kita sehari ini telah sama-sama
disaksi bagaimana wujudnya faham kebangsaan itu yang asal
mulanya dipelopori oleh Parti Kebangsaan Melayu-kemudian
oleh tahanan darurat diteruskan pula oleh Pertubuhan
Kebangsaan Melayu Bersatu terkenal dengan nama "UMNO" iaitu,
berkat dari usaha yang terus menerus oleh UMNO-maka
timbullah suatu kebangsaan yang kuat, terkenal dengan "*front*"

"UMNO-MCA-Konvensyen" itu manakala di lain
pihak timbul pula usaha raksasa oleh para bijak pandai,
para pembesar terkenal dengan "*National Conference*" iaitu
-apakah baik kedua-dua ini, atau yang manakah bagus
untuk diikuti itu bukan menjadi maslah dari apa
yang saya percakapkan sekarang. (Serahkan ini kepada ahli
politik).

Malaya lebih tegas tanah air kita sekarang, tentu
sahaja sedikit sebanyak akan berkesan juga oleh dua
badan raksasa ini, dan ini harus dapat dilihat manakala
tempat pemilihan umum kelak di mana satu blok berkuasa
membentuk perlembagaan Malaya.

-sambungan pada muka 27

sambungan dari muka 14

Baik konvensyen, baik *national conference*, saya rasa sama sahaja menuju dimaksud iaitu: “Nasionalisme” untuk Malaya-rasa kebangsaan Malaya yang menjadi asas untuk merdeka.

Baik UMNO atau negara-bagi kita haruslah faham bahawa apa yang dituju akan dituju oleh raksasa ini tak akan menyimpang dari sebuah negara Malaya yang merdeka berbentuk nasioanal, apakah nasional tulen, atau campur socialisme, atau tambah faham bojouruis-feudalism itu tak tahu saya kemudiannya.

Ditinjau dari segi pelajaran, maka *national education* ini seharusnya menambah kuat lagi faham kebangsaan itu, dan ini dengan nyata dan terang duduknya masalah “Islam dan perkembangannya” itu sendiri: Terang-terang- tak mendapat tempat luas, terhimpit dan dihipit...

Bagi setengah-setengah kita tentu ada yang berfaham bahawa Islam haruslah menjadi dasar dari negara Malaya bila merdeka kelak, ini tak guna bicara panjang-panjang, sebab kita berfikir bahawa Islam bukan ‘ubudiyah semata-mata, tetapi ideologi. Dapatkah kiranya hasrat ini terlaksana? Atau tidak dapat melainkan dengan membangun beberapa perkara dan meruntuh beberapa perkara? -dapat dan tak dapat, mungkin dan tak mungkin!

Dapat-kalau perkembangan Islam itu benar-benar ada, benar-benar berkembang di tanah air, tak dapat kalau Islam itu mati seumpama sekarang. Bila saya mengatakan “Islam mati” bukan bererti Islam itu sendiri, tetapi pemeluknya, faham beragama oleh pemeluknya itu jumud dan beku!

Di tanah air kita telah tertubuh sebuah parti politik Islam yang tunggal,; PAS, atau yang bernama penuh “Persatuan Islam se-Malaya” itu. PAS -setahu saya di dalam perjuangannya di samping menegakkan Malaya merdeka sebagaimana tujuan parti-parti siyasah yang lain di Malaya ini, bertujuan

pula untuk memperjuangkan Islam sendiri supaya terlaksana di dalam kehidupan dan masyarakat umat, tetapi bolehkah PAS (atau lain-lain pertubuhan politik Islam) melaksanakan maksud suci ini dengan deras dan maju? Saya rasa dengan pemerhatian-pemerhatian yang dapat disaksikan sekarang PAS (atau lain-lain pertubuhan Islam) tidaklah dapat berjalan dengan lancar akan maksud suci itu oleh beberapa sebab saya fikir menjadi penghalang gerak langkahnya -Antaranya:

1. Ramai kaum muslimin di Malaya tidak begitu faham dengan “Islamnya” sebagai ideologi kenegaraan.
2. Di Malaya pemimpin-pemimpin Islam yang benar-benar faham dan “berkaliber besar” masih belum ada-kalau ada pun masih suka menengok-nengok-meninjau-ninjau dari jauh.
3. Kewangan yang lemah.
4. Amnya kesedaran beragama amat tipis, ditambah dengan jumud, beku yang masih bermaharajalela. Sekarang mari saudara ikuti keterangan ringkas atas perkara-perkara di atas itu:
 1. Saya rasa dan saudara tentu bersetuju dengan saya kalau kita tinjau secara umum kaum muslimin sekarang dengan agamanya, tidaklah mereka faham Islam itu sebagai ideologi perjuangan (kenegaraan) selain dari sembahyang dan soal ‘ubudiyah semata. Ramai kaum muslimin berfikir bahawa Islam hanya untuk mati bukan untuk hidup_-edang Islam adalah jauh daripada demikian. (maklum).
 2. Bila kita tinjau pemimpin-pemimpin agama di Malaya (demi Tuhan jauh dari rasa memperkecilkan) kita dapati bahawa masih belum ada yang sanggup kita bawa ketengah untuk berjuang secara tegas, baik sahaja mengenai maslaah luar dan masalah dalam. Masalah agama dan masalah siyasah, kita masih belum mendapat pemimpin-pemimpin agama yang sama bekebolehan seperti Natsir, Mister



Sebahagian daripada wakil-wakil di dalam Persidangan Pemuda Islam se-Dunia sedang sembahyang apabila tiba waktu sembahyang.

Rum atau Hāji Agus Salim dan lain-lain pemimpin di Indonesia itu, dengan Hasan al-Hādī di Mesir. Jannah-Iqbal di Pakistan, atau al-Hāji Amīn al-Husīnī di Palestin . Tetapi amat kita hargai usaha-usaha pemimpin-pemimpin agama sekarang, jauh dari ingatan apakah kita atau mereka itu sendiri sedar atau tidaknya kelemahan-kelemahan itu.

Saya insaf bahawa kekurangan ini-tegasnya kekurangan kebolehan itu tentu juga ada sebab-sebab musababnya, antaranya:-

1. Kita masih baharu bergerak-cahaya pergerakan Islam baharu beberapa tahun sahaja menjalar ke Malaya.
2. Kita masih lemah di dalam pelajaran dan susunan persekolahan. Pelajaran-pelajaran agama yang diajar sekarang sama sekali tidak sesuai dengan masa (ini bukan saya menyingkir usaha-usaha yang sedang dibuat sekarang!)
3. Tidak ada sebuah akademi untuk pelajar-pelajar agama

-kursus politik jauh sekali!

4. Ulama-ulama kita dan termasuk juga pemimpin-pemimpin agama tidak menyediakan tunas-tunas baharu untuk tumbuh.
3. Kewangan: Saudara akan sepakat dengan saya bahawa kewangan yang menjadi asas pergerakan Islam. Di tanah air “-amat lemah. Ini ternyata PAS sendiri setahu saya menghadapi soal ini terutama di dalam menghadapi pilihanraya begini. Suara-suara persatuan agama, majalah-majalah, tempat-tempat percetakan masih belum ada, sedang ini adalah salah satu tenaga “lokomotif” -penduduk untuk bergerak, soal ini ditimbulkan oleh:-

1. Kebakhilan orang kaya muslimin dengan hartanya (saya tak menafikan umat islam di tanah air itu hitung panjang adalah terdiri dari petani-petani, pekebun-pekebun kecil, pengail-pengail ikan yang miskin-etapi ada

di antara mereka orang-orang kaya. Di Kedah-tempat saya

ramai kaum tani miskin, tetapi ada di antara kami

golongan kaya yang punya beratus relung bendang!

2. Lain-lain sebab - seperti tidak ada badan-badan

kewangan muslimin yang semata-mata memikir, mengikhtiar

mencari harta dan wang itu untuk disumbangkan

kepada pergerakan Islam seumpama pergerakan yang dibuat

oleh pengembang-pengembang agama Kristian.

4. Amnya kesedaran beragama di tanah air kita amatlah tipis

sekali. Kita perhati penuntut-penuntut kita yang keluar negeri

dan hartawan-hartawan kita jarang benar mahu turut menyumbang

tenaga dengan persatuan politik Islam dan badan-badan agama,

cerdik pandai kita hanya suka “makan gaji”-(saya

tak nafikan soal ini soal perut -soal persendirian

-yang mesti dihormati) tetapi jangalnah lupa hak dan

kepentingan bersama. Banyak juga penuntut-penuntut kita kembali

dari Mesir, Mekah, dan India tetapi hingga sekarang satu

pengorbanan yang terang dan jelas yang mereka sumbangkan kepada

pergerakan Islam masih “tetap samar-samar”-sama sekali

tidak berbentuk kenyataan!

PAS-setahu saya bercadang untuk membuka (menubuh

-mengadakan) beberapa buah badannya. Antaranya setahu saya

Dewan Pemuda dan Dewan Ulama, tetapi beberapa orangkah

di antara pelajar-pelajar kita itu mengambil bahagian, turut

bergerak dan bekerjasama? Berapa orangkah ulama yang

mengambil berat berkenaan dengan “Dewan Ulama” ini?

*

Kemudian kalau begini adanya keadaan akan hidupkah


Islam? Tidak! Tidak saudara. Bolehkah hidup dan

bolehkah berkembang? Boleh dan tak boleh! Boleh kalau

anasir-anasir di atas dapat dihapus mana yang tak berguna, mana yang

menyekat. Tak boleh kalau segala keadaan itu ada sebagaimana biasa.

Putus asakah saudara? Tidak jawab saya. Kalau



Al-Marhum 'Abdul Majid Salim, Ulama Mesir Yang Terkenal

usaha-usaha yang berkesan dilaksanakan dengan segera. Tetapi

mungkin lemah harapan kalau begini keadaan kita!-

saudara bacul, *da'if al-nafs!*-Tegas saudara tidak

bacul, tidak *da'if al-nafs*. Tetapi saya sekadar “insaf”

di mana kemunduran, dan punca-punca kemunduran itu.

Jadi-bagaimana hendak dibuat? Tanya saudara.

Saya jawab: “Setelah kita tahu kelemahan Islam,

punca-punca kelemahan itu, apakah sudah sempurna atau tidak

pengetahuan kita tentang kemunduran dan kelemahan itu

-maka marilah setiap kita, dari kecil hingga besar,

ulama dan zu'ama' pemimpin-pemimpin dan penganjur “membentangkan”

“pendapatnya”-bebas lepas, serta turut melaksanakan dengan

demikianlah agaknya cahaya Islam akan turut sama bersinar

dan terserlah keluar dari rogga kegelapan yang

menutupnya selama ini” ! Sekian-*wa al-salām 'alā min*

ittiba' al-hudā. Wabillāh al-tawfīq.